

MA63: Tuntutan Sabah, Sarawak jadi keutamaan

UB 04.03.2023 P.05

“**KERAJAAN** perpaduan adalah sebuah kerajaan yang dibentuk daripada parti dan perikatan parti-parti politik yang mempunyai ideologi berbeza. Mereka bekerjasama atas satu persefahaman sahaja iaitu ‘kuasa’.

“Namun dari perspektif Sabah dan Sarawak, ia menunjukkan beberapa perkara yang diumumkan bersifat disolusi atau penurunan kuasa daripada kerajaan persekutuan kepada kerajaan negeri, autonomi kepada Sabah dan

Sarawak, serta memenuhi tuntutan hak-hak Sabah dan Sarawak di bawah Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

“Kuasa kerajaan Sabah dan Sarawak meluluskan projek bernilai di bawah RM50 juta, bayaran balik hasil pendapatan cukai di bawah Artikel 112C dan 112D Perlembagaan Persekutuan, eksplorasi industri gas dan minyak kepada Sabah dan Sarawak, semuanya kedengaran meyakinkan meskipun ada kegusaran kemungkinan

berakhir dengan retorik politik iaitu pengumuman tanpa disusuli dengan tindakan.

“Ia umpama suatu harapan baharu kepada rakyat selepas kerajaan terdahulu dilihat begitu buruk dan korup disebabkan kempen-kempen dan propaganda yang dilancarkan terhadap mereka.

“Rakyat sedang memerhati dan menilai. Isu kos sara hidup khususnya seperti harga telur ayam yang dipolitikkan kini di bawah tanggungjawab mereka pula.”



Profesor Madya Dr Lee Kuok Tiung
Pensyarah Kanan Universiti Malaysia Sabah (UMS)